

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

## PANDUAN MENANAM SAWI

### PENGENALAN

Nama saintifik: Brassica Sp.

Famili : Cruciferae

Nama tempatan: Sawi hijau/bunga, sawi putih, sawi jepun, sawi pahit.

Ada beberapa jenis sawi yang tergolong di bawah famili Cruciferae ini. Jenis sawi yang popular ialah sawi hijau, sawi putih, sawi jepun dan sawi pak choy.□

### KULTIVAR YANG DISYORKAN

#### 1. Sawi hijau / sawi bunga (*Brassica campestris* sp. *parachinensis*)

Jenis yang paling popuar di kalangan penanam. Ia adalah tanaman semusim, berdaun tegak berwarna hijau tua berukuran lebih kurang 20-25 cm dan bunganya berwarna kuning. Batang atau petiole berbentuk kurus dan berwarna hijau. Ada sejenis lain yang dikenali oleh penanam tempatan sebagai sawi putih, mempunyai batang berwarna hijau muda yang lebih tahan kepada berlebihan air atau hujan.

#### 2. Sawi putih Pak Choy (*Brassica campestris* sp. *chinensis* var *juliennius*)

Daunnya berwarna hijau tua dan urat daun berwarna putih. Bentuk hujung daun bulat dan berukuran 15-20 cm. Daun juga lebih tebal daripada sawi hijau. Batang atau petiole berwarna putih, besar dan compact di bahagian pangkal serta tirus di bahagian daun. Corak tumbuhan daun berbentuk lebih terbuka jika dibanding dengan sawi hijau.

#### 3. Sawi jepun Siow Pak Choi (*Brassica campestris* sp. *chinensis*)

Dikenali sebagai sawi jepun kerana saiznya yang kecil (12-15 cm). Batang dan daunnya berwarna hijau muda. Batangnya juga compact di bahagian pangkal dan tirus di bahagian daun. Urat daun tidak prominent dan hujung daun bulat.

#### 4. Sawi pahit (*Brassica juncea* var *rugosa* (Roxb.) Tse & Lee)

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

Jenis ini tumbuh cepat dan mempunyai daun yang lebat dan melebihi 30 cm. Kultivar ini lebih besar dengan daun dan batangnya berwarna hijau muda. Rasanya pahit dan biasanya diproses untuk buat jeruk. Hasilnya diantara 22 - 30 tan / ha. dan boleh dikutip hasilnya selepas 35 hari selepas menanam.

### PENYEDIAAN TANAH

Sesuai ditanam dalam kawasan yang mempunyai suhu diantara 23-35°C dan kelembapan yang tinggi. Terlalu banyak hujan boleh merosakkan daun sawi dan menjelaskan kualitinya. Penggunaan rumah pelindung hujan atau struktur berjaring boleh mengatasi masalah ini. Tanah perlu dibajak dan digembur sedalam 15-20 cm. Kemudian batas yang berukuran 1.2 m lebar, 7.5 m panjang dan 20-30 cm tinggi disediakan.

### MENANAM

Biji benih sawi boleh ditanam terus ke atas batas. Sebanyak 1.5 kg biji benih digunakan untuk sehektar. Sebelum menanam, biji benih dirawat dengan racun kulat thiram dan digaulkan dengan pasir halus atau tanah peroi dan ditabur sama rata ke dalam jalur-jalur pada batas. Selepas 10-14 hari, penjarangan dibuat mengikut ukuran yang disyorkan, iaitu 20 cm antara baris (alur) dan 10 cm antara pokok.

□

### PEMBAJAAN

Bagi tanah mineral, baja organan digaulkan ke dalam batas untuk menentukan kesuburan pokok. Pembajaan yang disyorkan adalah seperti berikut:-

**Pusingan**

**Masa**

# PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

## **Jenis Baja**

Kadar/Batas

(7.5 x 1.2m)

Kadar/Hektar

(650 batas)

**1**

sebelum menanam

Baja organan

6 kg

4 tan

**2**

2 minggu

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

NPK 15:15:15

0.4 kg

0.25 tan

3

3 minggu

NPK 15:15:15

0.5 0.4 kg

0.25 tan

### PENGAIRAN

Sawi memerlukan air yang banyak untuk tumbesarananya. Penyiraman air dua kali sehari dalam musim panas, secara manual atau sistem pengairan renjis adalah disyorkan.

## KAWALAN RUMPAI

Kawalan rumpai dilakukan secara manual dilakukan dua kali sepanjang umur pokok. Racun glufosinate ammonium boleh digunakan di keliling batas dan parit.

□

## KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT

Diantara serangga dan penyakit utama yang menyerang tanaman sawi ialah:-

1. Ulat Ratus (Army Worm) - Spodopteraw litura  
Sembur racun fenvalerate
2. Kumbang Kutu (Phyliotera sinuata Ateph)  
Sembur racun malathion
3. Ulat Pangkas (Cut Worm) - Agrotis xpsilon  
Sembur racun fenvalerate
4. Ulat Pluttela (Pluttel xylostella)  
Sembur racun Bacillus thuringiensis. Amalkan tanaman giliran.
5. Reput Lembtu (Erwinia carotovora)  
Rawat biji benih dengan thiram. Amalkan tanaman giliran dan tentukan saliran yang baik.
6. Bintik Daun (Leaf Spot) - Cercospora spp.)  
Rawat biji benih dengan thiram  
□
7. Reput Daun (Leaf Rot. - corticum solani  
Cabut dan buang pokok yang berpenyakit  
□
8. **Siput** :

Siput panjang kecil

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

Siput panjang besar  
Siput kacang  
Siput leper kecil

-  
-  
-  
-

makan daun dan anak pokok  
makan daun dan anak pokok  
makan bahagian bawah daun pokok yang sudah besar  
makan bahagian bawah daun pokok yang sudah besar

Kawalan secara kimia dengan menggunakan metaldehyde atau mercaptodimethur. Ikut label untuk kadar penggunaan yang berkesan. Kawalan kimia dilakukan setelah batas sedia untuk ditanam sebelum biji benih sayur disemai. Kawalan lain ialah secara kultur iaitu dengan mengadakan saliran yang baik kerana tanah yang sangat basah akibat air bertakung atau batas yang rendah dan bersebelahan parit yang bertakung menggalakkan serangan.

### **TEMPOH MENGUTIP HASIL:**

Daun sawi boleh dikutip 28-30 hari selepas menyemai. Sayur ini dipungut dengan memotong pada paras tanah. Hasilnya boleh juga dipungut apabila pokok mengeluarkan bunga. Pengeluaran hasil adalah diantara 10-16 tan/hektar dan hasil purata ialah 14 tan/hektar.

### **TEMPOH DILADANG MENGUTIP HASIL:**

Penyemburan racun hendaklah diberhentikan sebelum mengutip hasil berpandukan:-

### **Jenis Racun**

**Tempoh diladang kutip  
(Bil hari)**

acephate  
cypermethrin  
carbaryl  
chlorotalonil  
dimethote  
fenvalerate  
mercaptodimethur  
permethrin  
profenofos  
tptriazophos

-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
-  
14  
5  
14  
14  
7  
7  
14  
7  
14  
14

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

## TANDA-TANDA KEKURANGAN NUTRIEN

Tanda-tanda kekurangan nutrien pada tanaman sawi akan berlaku sekiranya pembajaan tidak dijalankan dan ini akan menjaskan kualiti sayur untuk pasaran. Sebagai panduan disenaraikan di bawah ini nutrien yang diperlukan untuk mendapatkan sawi yang berkualiti tinggi dan tanda-tanda kekurangan nutrien.

### Nutrien

#### Tanda Kekurangan

##### Nitrogen

Keseluruhan pokok kuning, batang kurus dan pokok terbantut

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

### Fosforus

-  
Pokok terencat, daun kurang dan kecil, warna masih hijau.

### Kalium

-  
Tanda kekuningan bermula di tepi daun tua dan kemudiannya akan merebak.

### Magnesium

-  
Melibatkan daun tua di mana bahagian diantara urat daun kekuningan. Daun juga akan gugur.

### Kalsium

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

Pucuk terbantut dan mati.

Sulfur

-

Simptom di daun muda dimana keseluruhan daun menjadi hijau muda dan kemudiannya hijau kekuningan.

Kuprum

-

Pertumbuhan daun muda terencat dan kekuningan berklorosis.

Zink

-

Kekuningan diantara bahagian urat daun muda.

Molibdenum

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

-  
Daun tua berklorosis dan tepi daun akan kering.

Ferum

-  
Kekuningan atau keputihan diantara urat daun muda dan keadaan ini akan merebak ke urat daun. Jug

Mangan

-  
Bintik kuning halus antara urat daun muda.

Boron

-  
Pucuk kerekot dan batang menjadi pendek.

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

### KEMATANGAN PENGUTIPAN DAN PENGENDALIAN HASIL

Hasil dikutip 27 hingga 30 hari selepas menyemai dengan memotong pada paras tanah. Sayur ini dipungut dengan memotong pada paras tanah hasilnya boleh juga dipungut apabila pokok mengeluarkan bunga. Pengeluaran hasil adalah diantara 10-16 tan sehektar dan hasil purata ialah 14 tan / hektar. Pengeluaran hasil adalah mengikut jenis sawi:-

Sawi hijau / bunga

Sawi putih

Sawi jepun

Sawi pahit

14-16 tan/ha.

14-16 tan/ha.

12-14 tan/ha.

20-30 tan/ha.

□

### Pengendalian Lepas Tuai

[Sila klik di sini untuk penerangan pengendalian lepas tuai](#)

# PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

## PROGRAM KERJA SEHEKTAR TANAMAN SAWI

□

**Hari selepas tanam**

**Gerak kerja**

**Catatan**

**- 4**

**Penyediaan tanah:**

- Meracun rumput dan tanaman sebelumnya.
- Pembajakan
- Penyediaan batas

- Pengapurran

- Baja asas.

**Racun glufosinate-ammonium pada kadar 0.5 kg/ha.**

□ Ground magnesium limestone (GMK) pada kadar 5 tan sehektar

□ Tahi ayam pad kadar 3-5 tan sehektar.

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

- 2

Meracun pra-cambah

Metalachlor

0

Penanaman - biji benih ditabur terus

Kadar biji benih ialah 1.5 kg sehektar

6

Sembur baja daun

Kawalan kulat dan serangga

Baja 15:15:6:4

Gunakan racun permethrin atau mancozen

9

Membaja

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

### Penjarangan pokok

Baja 15:15:15 pada kadar 150 kg sehektar

Kadar penjarangan ialah 10-15 cm

14



### Merumput



### Menyembur baja daun

Baja 15:15:6:4



### Kawalan serangga dan kulat

Gunakan Bacillus thurengiensis. Gunakan racun permethrin atau mancozeb.

15

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

**Membaja**

**Baja 15:15:6:4 pada kadar 200 kg sehektar**

**20**

**Kawalan serangga dan kulat**

**Membaja**

**Guna**kan racun permethrin atau mancozeb.

**Baja 15:15:6:4 pada kadar 250 kg sehektar**

**27**

**Memungut hasil**

## RANTAIAN KE LAMAN SAWI

## PANDUAN MENANAM SAWI

Ditulis oleh Admin Editor1

Isnin, 01 Februari 2010 11:45 - Terakhir dikemaskini Rabu, 31 Mac 2010 00:08

---

[Pokok Sawi](#) (dari kamus bebas wikipedia)

[Istilah Sawi dari Wikipedia](#)

[KEMBALI KE SENARAI PANDUAN MENANAM BUAH-BUAHAN & SAYUR-SAYURAN](#)